

NO. SOALAN: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK]

TARIKH : 29 NOV 2017

RUJUKAN : 10383

SOALAN:

Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil kepada mereka yang membuat *online shopping* seperti Lazada dan Zalora, sekiranya barang yang dibayar secara online tidak sampai atau kualiti barang tersebut tidak serupa dengan katalog, adakah ini boleh diklasifikasikan sebagai penipuan secara *online*.

47

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Perniagaan *online* telah menjadi suatu medium perdagangan yang semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat terutamanya kepada Generasi Y kerana kos yang lebih murah dan keluasan pasaran. Tidak dinafikan bahawa terdapat golongan yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk melakukan penipuan dalam urusan jual beli barangan *online* dengan cara mengiklankan barangan untuk dijual sedangkan barangan tersebut tidak wujud atau barangan yang ditawarkan itu tidak dihantar setelah bayaran dibuat atau mempunyai kualiti yang rendah dan berbeza dari yang diiklankan.

Elemen memperdaya dengan curang perlu dikenal pasti bagi kes-kes begini dan boleh disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan (menipu). Sekiranya tidak wujud sebarang elemen memperdaya dengan curang seperti peruntukan di bawah seksyen tersebut, kes akan dirujuk kepada Tribunal Tuntutan Pengguna dan KPDNKK berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Perihal Dagangan 2011.